

**PERHIMPUNAN BULANAN YAB PERDANA MENTERI
BERSAMA WARGA JABATAN PERDANA MENTERI
BAGI BULAN MEI 2014**

TRANSKRIP UCAPAN YAB PERDANA MENTERI:

**YANG AMAT BERHORMAT
DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK**

5 MEI 2014

**DISEDIAKAN OLEH;
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Menteri-Menteri,

YB Timbalan Menteri,

YBhg. Tan Sri Dr. Ali B. Hamsa, Ketua Setiausaha Negara,

seterusnya Warga Jabatan Perdana Menteri yang saya hormati
sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan perkenanNya dapat kita berkumpul pada pagi yang indah ini bagi mengadakan Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri bagi bulan Mei 2014.

Dua peristiwa signifikan telah berlaku kepada Negara kita. Yang pertama tragedi MH370 yang masih menghantui kita sehinggalah pada hari ini. Saya telah menekankan istilah *unpresented* kerana kejadian tersebut belum pernah berlaku dalam sejarah penerbangan dunia. *Unpresented* dalam erti kata sistem komunikasi pesawat tersebut telah dipadamkan. *Unpresented* dalam erti kata kaedah yang digunakan untuk mengesan pesawat tersebut belum pernah digunapakai dalam sejarah penerbangan dunia. Meskipun kita belum berhasil setakat hari ini, tetapi kerajaan berazam untuk meneruskan usaha – usaha pencarian tersebut dengan kerjasama rakan – rakan kita dari Negara – Negara lain terutama sekali Negara Australia yang telah menunjukkan komitmen yang luar biasa membantu Malaysia mencari pesawat yang dimiliki oleh kita.

Satu perkara lagi ialah Lawatan Presiden Amerika Syarikat yang kedua setelah tempoh 48 tahun berlalu. Dalam masa 48 tahun kalau Presiden yang pertama dulu kita hanya mampu membawa Presiden LB Johnson untuk melihat ladang getah di sebuah rancangan Felda yang diberi nama Tanah Rancangan atau Felda Lyndon B Johnson selepas itu. Tetapi Presiden Obama dapat melihat dalam masa 48 tahun bukan pokok – pokok getah tetapi sebuah Negara yang berjaya. Sebuah *success story*, sebuah Negara yang melalui proses transformasi yang begitu besar dalam segenap lapisan kehidupan kita. Inilah sesuatu yang boleh kita banggakan dan ini berlaku antara sebabnya atau antara faktornya ialah kerana kita bukan sahaja memberi pertimbangan atas keperluan semasa ataupun pertimbangan jangka pendek atau *short term*, tetapi kita mempunyai kerajaan dan pentadbiran yang selama ini mampu membuat perancangan jangka panjang (*long term planning*) untuk Negara kita.

Apabila kita ada pertimbangan *short term and long term* atau jangka pendek dan jangka panjang, kita boleh membuat keputusan, kita boleh membuat dasar – dasar dan kita boleh membuat pertimbangan yang bukan berbentuk *short term interest* sahaja tetapi mengorbankan kepentingan jangka panjang kita. Adakalanya kita perlu membuat sesuatu yang kita tahu kesudahannya adalah untuk kebaikan kita tetapi dalam jangka pendek mungkin kita akan menghadapi sedikit sebanyak kesukaran kerana ada pihak yang cuba memutarbelitkan ataupun menanam kebencian terhadap kerajaan, contohnya bila kita nak perkenalkan Goods and Services Tax (GST).

GST adalah satu sistem percukaian yang progresif yang boleh membantu kita untuk memperluaskan *revenue base* Negara kita. Kita sudah mengkaji perkara ini begitu lama. Kebanyakan daripada rakyat Malaysia tidak membayar cukai. Cuma 1 juta sahaja yang membayar cukai dan yang lain tidak membayar cukai. Sistem GST ini digunapakai oleh hampir 90 peratus daripada Negara -Negara di dunia ini. Kalau sistem ini sudahpun *proven* dan terbukti, tentu sekali bagi kita di Malaysia ini kalau kita gunapakai GST ianya mestilah merupakan satu sistem yang adil, progresif dan boleh diterima oleh rakyat. Kalau tidak, rakyat di 191 buah Negara sudah tentu akan menolak sistem ini. Sebab itulah kita perlu tingkatkan lagi penerangan kita kepada rakyat, supaya rakyat benar – benar faham dan bukan ikut serta tanpa mengetahui apa yang sebenarnya tujuan dan asas sistem pencukaian tersebut. Kita mesti terangkan kepada rakyat banyak yang tak bayar cukai.

Saya tahu, sebagai Menteri Kewangan ramai yang tidak membayar cukai ataupun bayar sikit daripada apa yang sepatutnya mereka bayar. Kita dengar cerita ada orang yang seolah-olah dia miskin ataupun kurang pendapatan tetapi boleh menghantar anak ke luar Negara. Ini bermakna dia *under declare the income*. Tetapi bila sistem GST diperkenalkan, ia akan progresif bergantung kepada banyak mana *consumption* ataupun pembelian kita. Dengan cara seperti ini, dan dengan langkah kita untuk mengecualikan barang keperluan rakyat, maka dengan perlaksanaan GST ini kita percaya tidaklah membebankan rakyat dan ini dapat dilihat secara terperinci lagi apakah barangan – barangan atau produk yang boleh kita kecualikan kita kecualikan atau *zero rated* tetapi asalkan *revenue base* untuk Negara dapat kita perluaskan.

Dengan cara seperti ini, kita boleh memacu pertumbuhan yang lebih tinggi untuk Negara kita. Kita boleh bina lebih banyak infrastruktur, kemudahan asas di bandar dan juga luar bandar. Sebab kalau kita tidak bina infrastruktur yang lebih moden, kita akan kehilangan *competitive advantages*. Ini amat penting kalau kita ingin bersaing, kita perlu ada *competitive advantages*, infrastruktur yang moden antara yang terbaik di dunia, kita perlu laksanakan secara berterusan dan kita perlu belanja lebih untuk *human capital*, pembangunan insan sebab pembangunan insan ini kritikal faktor dalam soal *competitive strength* di mana – mana Negara. Ini pun memerlukan peruntukan tambahan. Bidang kesihatan pun perlu ini kerana kita dapati untuk menambahkan hospital, peralatan dan sebagainya. Dengan langkah – langkah seperti ini, dan tidak lupa juga kepentingan kebajikan penjawat – penjawat awam kita 1.5 juta yang perlu kita jaga. Ini hanya mampu kita lakukan kalau kita mempunyai hasil yang mencukupi, hasil yang kian meningkat tetapi tidaklah membebankan rakyat. Itulah langkah dan falsafah yang dipegang oleh kerajaan yang ada pada hari ini.

Saya yakin dan percaya langkah seperti ini akan membolehkan kita terus mengangkat kedudukan Negara kita sepertimana yang diimpikan oleh kita bersama. Tetapi kalau kita mengambil langkah yang terlalu populist, apa sahaja yang dibuat yang difikirkan baik, pada hakikatnya ditolak. Kalau kita selok semua langkah seperti ini kerana bermain politik populist contohnya masalah air di Lembah Klang. *This is the correct example of a populist policy* disebabkan oleh kerajaan pusat menolak cadangan. Cadangan 2009 dulu ditolak kebenaran untuk kita membina Langat 2 (Loji Air) kononnya air di Lembah Klang sudah cukup. Ada beza antara *treated and untreated water* kerana tanpa loji air tak akan

ada *treated water*. Apabila tiada *treated water*, kita tak dapat bekalkan kepada rakyat dan industri. Inilah hakikat yang ramai tidak faham. Apabila tidak faham, kerajaan pusat akan dipersalahkan walhal kita tunjuk, buktikan bahawa kalaulah pada tahun 2009 cadangan Kerajaan Pusat diterima oleh Kerajaan Negeri, tidak akan ada masalah bekalan air yang berlaku di Lembah Klang pada hari. Dan saya percaya sebahagian daripada tuan – tuan dan puan – puan mengalami masalah catuan air dan terpaksa mengalami kesusahan yang sebenarnya boleh dielakkan. Inilah yang saya nak tekankan, janganlah persoalkan jangka masa pendek semata – mata soal *populist* tetapi adakalanya pertimbangan kita mestilah berdasarkan kebaikan kepada rakyat dan negara walaupun jangka masa pendek kita mungkin menghadapi sedikit kesukaran. Tetapi kesukaran ini adalah untuk kebaikan kita.

Analoginya, yang mudah adalah bila perlu kepada ubat antibiotik, kita mesti makan ubat antibiotik sampai habis supaya kesihatan kita pulih. Jadi dalam perjalanan kita mentransformasikan Negara, kita mesti telan ubat dan yakinlah pada kesudahan, akhirnya Insya'Allah kita semua akan dapat kebaikan dan dapat memiliki Negara yang lebih berjaya lagi. Saya amat berharap tuan – tuan sebagai penjawat awam akan terus bersama – sama memberi penerangan kepada rakyat bahawa inilah langkah yang terbaik. Dalam pada itu, apapun kelemahan kita perlu beri perhatian yang serius. Laporan Ketua Audit Negara selalu disebut. Ini kita perlu beri perhatian yang cukup serius supaya tahun demi tahun laporan dalam Ketua Audit tersebut kita kurangkan sehinggalah hampir ketiadaan teguran dan kritikan terhadap salah guna kuasa, penyelewengan, kelemahan – kelemahan yang berlaku dalam pentadbiran kita. Ini komitmen kita yang perlu dilakukan.

Seperkara lagi ialah, sebagai sebuah pentadbiran, saya sudah menggariskan lima (5) prinsip semasa Sambutan Hari Pekerja Penjawat Awam Tahun 2014 yang dianjurkan oleh CUEPACS iaitu:

- i. Penjawat awam tiang seri Negara
- ii. Kepentingan budaya ilmu
- iii. Kebolehpercayaan
- iv. Amalan yang terbaik (*best practice*)
- v. Semangat patriotik
- vi. Keberhasilan *output* daripada *input*

Ini adalah antara faktor yang amat penting untuk kita terus memperkukuhkan perkhidmatan awam kita. Kita mestilah melakukan yang terbaik untuk rakyat, maknanya jangkaan rakyat, sebuah perkhidmatan yang menjanjikan perkhidmatan yang memudahkan, cepat, lebih *transparent*, dan lebih responsif kepada rakyat. Ini semua kita perlu fikirkan apa yang kita lakukan dalam tugas kita seharian kita boleh mencapai objektif seperti yang saya sebutkan tadi.

Seperkara lagi yang saya nyatakan bahawa kita juga mesti menjaga kepentingan dan kebajikan pekerja. Sebab kita selalu sebut soal waran maknanya bukan hanya rakyat malahan dalaman juga kita mesti pastikan anggota – anggota di bawah anak buah kita, pendek kata kita jaga kepentingan anak buah kita, masa depan, semangat kerja mereka dan sebagainya. Sebab kalau dalam pejabat kita semua orang rasa puas hati, serasi dalam kerja – kerja seharian sebab kita memberi pertimbangan kepada masa depan mereka, kebajikan, kepada

kerjayanya dan sebagainya, maka tentu sekali semangat untuk terus bekerja akan terus dapat kita lonjakkan lagi. Inilah yang saya harap sedikit sebanyak semua akan melihat bahawa kita perjalanan kita sudah jauh. Dalam tempoh tersebut, tetapi banyak lagi yang perlu kita lakukan. Masih ada lagi ruang untuk kita terus tingkatkan kejayaan, kemampuan, dan prestasi kita. Selamat bertugas.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

5 Mei 2014.